

4.1 MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN STAF UMS (MAKSUM) TAHUN 2011

Disediakan oleh: Pn. Jurinah Johnny, Penolong Pendaftar



Pada 24 Mei 2012 (Khamis), Universiti Malaysia Sabah melalui Jabatan Pendaftar telah menganjurkan salah satu majlis utama Universiti iaitu Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf Universiti Malaysia Sabah (MAKSUMS) di Dewan Kuliah Pusat Akademik, UMS yang juga merupakan manifestasi dan komitmen pihak pengurusan untuk menghargai sumbangan dan kecemerlangan kakitangan UMS.

Majlis yang julung-julung kalinya dilaksanakan ini adalah hasil gabungan dua majlis utama universiti iaitu Majlis Anugerah

Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Majlis Anugerah Inovasi (MAI) yang mana sebelum ini diadakan secara berasingan.

Majlis ini disatukan adalah bertujuan untuk ke arah penjimatan disamping itu menerapkan nilai seperti "*value management*" dan memupuk pemikiran serta usaha yang kreatif dan kritis dengan menggunakan sumber serta kemudahan yang sedia ada dalam pelaksanaan majlis tersebut sekaligus memberikan penghargaan yang lebih baik kepada para kakitangan.

Pelaksanaan majlis ini adalah dengan harapan agar budaya kerja cemerlang, mengutamakan kualiti, kreatif dan inovatif menjadi amalan berterusan demi memastikan kecemerlangan Universiti umumnya disamping itu diibaratkan sebagai galakan dan intensif supaya semua kakitangan dari segenap lapisan perjawatan sentiasa beriltizam untuk menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang masing-masing. Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa kecemerlangan sesebuah organisasi bukanlah bergantung kepada kecemerlangan individu semata-mata sebaliknya dipengaruhi juga oleh komitmen dan kerjasama kolektif.

Majlis ini bertujuan untuk mengiktiraf, menghargai dan memperingati sumbangan serta perkhidmatan cemerlang para kakitangan, pentadbiran, akademik mahupun pesara di UMS. Ia juga sebagai menghargai kakitangan dan Jabatan/Sekolah yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang, kreativiti dan inovasi yang tinggi terhadap Universiti.

Sebanyak enam belas (16) anugerah mengikut kategori yang telah disampaikan dalam majlis tersebut. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- | | |
|---|---|
| 1) Anugerah Perkhidmatan Terpuji | 9) Anugerah Penerbitan Buku UMS |
| 2) Anugerah Jasamu Dikenang | 10) Anugerah Landskap Terbaik |
| 3) Anugerah Jasa Bakti | 11) Anugerah Laman Web Terbaik |
| 4) Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang | 12) Anugerah Pengurusan Pejabat Terbaik |
| 5) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang | 13) Anugerah Dasar Penjimatan Utiliti Terbaik |
| 6) Anugerah Khas Perkhidmatan Naib Canselor | 14) Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif |
| 7) Anugerah Pengajaran | 15) Anugerah Pengurusan Makmal |
| 8) Anugerah Pengurusan Kewangan Terbaik UMS | 16) Anugerah Khas Inovasi Naib Canselor |

Jumlah keseluruhan penerima anugerah bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Inovasi (AI) adalah seramai **1488 orang** iaitu merangkumi 40 orang penerima Anugerah Inovasi manakala 1448 orang adalah terdiri daripada penerima anugerah sempena Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.